

KAJIAN KE ATAS AMALAN KONTRAKTOR DALAM MENGANGGARKAN
KOS TIDAK LANGSUNG SEMASA MENENDER

CHAI PUI LENG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2001

ABSTRAK

Harga tender adalah dibentuk daripada elemen-elemen kos langsung dan kos tidak langsung bagi sesuatu projek pembinaan. Oleh sebab penggunaan sumber-sumber pembinaan adalah hampir sama, kos langsung bagi sesuatu projek pembinaan juga adalah hampir sama. Maka perbezaan di antara harga-harga tawaran yang dimasukkan oleh kontraktor adalah berpunca dari penganggaran kos-kos tidak langsung. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen-elemen yang diperuntukkan dalam kos tidak langsung dan kaedah-kaedah yang diamalkan oleh kontraktor semasa menender projek pembinaan. Faktor-faktor yang mempengaruhi nilai bagi elemen kos tidak langsung yang dimasukkan juga akan dikenalpasti. Hasil kajian menunjukkan bahawa overhead umum, turun naik harga, permulaan, faedah kewangan dan overhead tapak merupakan elemen-elemen utama yang diperuntukkan dalam kos tidak langsung. Dari segi kaedah penganggaran pula, adalah sukar untuk mengatakan kaedah yang mana satu adalah paling efektif untuk diamalkan kerana tertakluk kepada penilaian pengurusan atasan bagi firma terhadap faktor-faktor seperti jenis dan saiz kontrak, lokasi, jenis dan kekompleksan projek, beban kerja, klien dan tahap persaingan yang wujud. Namun hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah penganggaran secara peratusan merupakan kaedah yang paling banyak diamalkan oleh kontraktor. Nilai peratusan yang ditambahkan pula bergantung kepada pengalaman dan penilaian yang dibuat oleh pihak pengurusan atasan firma kontraktor. Kaedah yang melibatkan penganalisaan secara statistik walaupun telah diperkenalkan namun jarang digunakan. Oleh itu, elemen-elemen yang diperuntukkan serta kaedah yang diamalkan oleh kontraktor dalam menganggarkan kos tidak langsung semasa menender merupakan sesuatu yang subjektif.

ABSTRACT

The tender price consists of both direct and indirect cost elements. Since the method of direct cost estimating are almost similar between firms because of the same supply of construction resources, thus the differences between competitors' bids are mainly due to indirect cost estimating. Therefore, the objectives of this survey are to identify the contractor's allocation of indirect cost elements and to investigate methods currently being used for indirect cost estimating during tendering process. Besides, the factors influencing the value of indirect cost elements are to be identified too. The survey shows that general overheads, fluctuation of price, preliminaries, finance and site overheads are the main elements that constitute indirect costs. It is difficult to identify which is the most effective method of estimating indirect costs due to such factors as type and size of contract, location, type and complexity of work, current and future expected workload, client and level of competitiveness, which will influence the judgement of the firm's senior management. Nevertheless, the result shows that the percentage method is most commonly used by contractors. The value of the percentage added is based on the senior management's experience and judgement. Statistical analysis even though advocated, is rarely used. Hence, the allocation of indirect cost elements and the methods used for estimating indirect costs during tendering process are highly subjective.